

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (PERKHIDMATAN DAN PENERBITAN JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 dan 10 Akta Fi 1951 [*Akta 209*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Perkhidmatan dan Penerbitan Jabatan Meteorologi Malaysia) 2010**.
2. Perintah ini berkuat kuasa pada **1 Januari 2010**.

Fi dan pembayaran

3. (1) Fi yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual hendaklah kena dibayar kepada Ketua Pengarah, Jabatan Meteorologi Malaysia berkenaan dengan perkhidmatan dan penerbitan yang dinyatakan dalam ruang (1) mengikut unit yang dinyatakan dalam ruang (3).

(2) Semua fi yang ditetapkan di bawah Perintah ini hendaklah dibayar terlebih dahulu sebelum apa-apa perkhidmatan yang berkaitan diberikan atau mana-mana penerbitan berkaitan dibekalkan.

Remitan

4. Ketua Pengarah, Jabatan Meteorologi Malaysia boleh meremitkan sama ada keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada fi yang ditetapkan di bawah Perintah ini, sama ada secara am atau dalam mana-mana kes tertentu atau kelas kes yang tertentu.

Pembatalan

5. Bayaran Bagi Perkhidmatan dan Bekalan Penerbitan Perkhidmatan Kajiucua Malaysia seperti mana yang disiarkan dalam Warta Pemberitahuan No. 4623/1972 pada 21 Disember 1972 adalah dibatalkan.

JADUAL
[Perenggan 3]

(1) Perkhidmatan dan Penerbitan	(2) Fi (RM)	(3) Unit
1. Ramalan Cuaca dan Pencerapan Cuaca Masa Nyata		
(a) Ramalan Cuaca Setiap Jam	30.00	Satu ramalan untuk tempoh satu hari atau sebahagian daripadanya
(b) Ramalan Cuaca Harian	20.00	Satu ramalan untuk tempoh satu hari atau sebahagian daripadanya
(c) Nasihat / Amaran Cuaca	50.00	Satu nasihat/amaran
(d) Tinjauan Cuaca	50.00	Satu tinjauan
(e) Pencerapan Cuaca Masa Nyata	(i) 20.00	Satu pencerapan (untuk lima pencerapan yang pertama)
	(ii) 5.00	Untuk setiap pencerapan tambahan

2. Ramalan dan Data Marin dan Oseanografi		
(a) Ramalan Marin	30.00	Satu ramalan untuk tempoh satu hari atau sebahagian daripadanya
(b) Carta Ramalan Marin	30.00	Satu carta
(c) Tinjauan Ramalan Marin	50.00	Satu tinjauan
(d) Nasihat / Amaran Cuaca Marin	50.00	Satu nasihat/amaran
(e) Pembekalan Data		
(i) Data Parameter Marin	20.00	Satu parameter untuk satu lokasi (untuk satu ratus nilai pertama atau sebahagian daripadanya; dan RM 0.10 untuk setiap nilai tambahan)
(ii) Data Pencerapan Marin	20.00	Untuk satu lokasi untuk empat puluh pencerapan pertama atau sebahagian daripadanya; dan RM 0.50 untuk setiap pencerapan tambahan
(iii) Analisis Produk Ramalan Cuaca Numerikal (NWP)	5.00	Satu carta
(iv) Penjanaan nilai Maksimum dan Purata sesuatu Parameter	25.00	Satu parameter untuk satu lokasi
(v) Ringkasan Mawar Angin atau ombak	60.00	Satu ringkasan untuk satu lokasi
(vi) Laporan Cuaca Marin	200.00	Satu lokasi untuk hari pertama; dan RM 30.00 untuk setiap hari tambahan

<p>3. Alatan dan Penyelenggaraan</p> <p>Penentuan sensor meteorologi</p>	<p>200.00</p>	<p>Satu sensor</p>
<p>4. Data Kaji Iklim</p> <p>(a) Data Setiap Jam</p> <p>Parameter Meteorologi Setiap Jam</p> <p>(b) Data Harian</p> <p>(i) Parameter meteorologi harian</p> <p>(ii) Purata parameter meteorologi harian</p> <p>(iii) Bilangan hari yang berlakunya fenomena meteorologi</p> <p>(c) Data Bulanan</p> <p>(i) Purata bulanan parameter meteorologi</p> <p>(ii) Purata maksimum parameter meteorologi bulanan</p> <p>(iii) Purata minimum parameter meteorologi bulanan</p> <p>(iv) Maksimum tertinggi bulanan parameter meteorologi</p>	<p>(i) 20.00</p> <p>(ii) 120.00</p> <p>20.00</p> <p>20.00</p> <p>20.00</p> <p>30.00</p> <p>30.00</p> <p>30.00</p> <p>30.00</p>	<p>Satu parameter untuk satu stesen satu hari (sehingga lima hari yang pertama)</p> <p>Satu parameter untuk satu stesen (bagi enam hari sehingga satu bulan)</p> <p>Satu parameter untuk satu stesen satu tahun</p> <p>Satu parameter untuk satu stesen satu tahun</p> <p>Satu fenomena untuk satu stesen untuk satu tahun</p> <p>Satu parameter untuk satu stesen</p> <p>Satu parameter untuk satu stesen</p> <p>Satu parameter untuk satu stesen</p> <p>Satu parameter untuk satu stesen</p>

(v)	Minimum terendah bulanan parameter meteorologi	30.00	Satu parameter untuk satu stesen
(vi)	Bilangan hari yang fenomena meteorologi berlaku untuk setiap bulan	30.00	Satu fenomena untuk satu stesen
(vii)	Jumlah hujan bulanan & bilangan hari hujan setiap bulan	30.00	Satu stesen
<i>(d) Ringkasan Data & Data Nilai Tambah</i>			
(i)	Ringkasan Mawar Angin	60.00	Satu ringkasan untuk satu stesen
(ii)	Ringkasan angin permukaan maksimum	60.00	Satu ringkasan untuk semua stesen utama
(iii)	Ringkasan purata hujan bulanan	60.00	Satu ringkasan untuk semua stesen utama
(iv)	Ringkasan bulanan hujan tertinggi	60.00	Satu ringkasan untuk semua stesen utama
(v)	Ringkasan bulanan hujan terendah	60.00	Satu ringkasan untuk semua stesen utama
(vi)	Ringkasan bulanan purata bilangan hari hujan	60.00	Satu ringkasan untuk semua stesen utama
(vii)	Ringkasan hujan tertinggi dalam sehari	60.00	Satu ringkasan untuk semua stesen utama
(viii)	Ringkasan jumlah hujan tertinggi untuk pelbagai tempoh masa	60.00	Satu ringkasan untuk semua stesen utama

(ix)	Ringkasan bulanan purata parameter meteorologi	60.00	Satu parameter untuk semua stesen utama
(x)	Ringkasan purata maksimum bulanan parameter meteorologi	60.00	Satu parameter untuk semua stesen utama
(xi)	Ringkasan purata minimum bulanan parameter meteorologi	60.00	Satu parameter untuk semua stesen utama
(xii)	Ringkasan maksimum bulanan tertinggi parameter meteorologi	60.00	Satu parameter untuk semua stesen utama
(xiii)	Ringkasan minimum bulanan terendah parameter meteorologi	60.00	Satu parameter untuk semua stesen utama
(xiv)	Ringkasan jumlah dan bilangan hari hujan	30.00	Satu stesen
(xv)	Ringkasan suhu dan kelembapan bandingan	30.00	Satu stesen
(xvi)	Tempoh ulangan parameter Meteorologi	60.00	Satu parameter untuk semua stesen utama
(xvii)	Tempoh ulangan terperinci parameter meteorologi	60.00	Satu parameter untuk satu stesen
(xviii)	Jumlah hujan tertinggi untuk pelbagai tempoh masa	60.00	Satu stesen
(xix)	Butiran Cuaca	60.00	Satu stesen untuk satu hari
(xx)	Tinjauan Cuaca	50.00	Satu tinjauan kaji iklim

<p>(e) Data Udara Atas</p> <p>(i) Arah angin dan kelajuan</p> <p>(ii) Suhu, suhu takat embun dan kelembapan relatif</p> <p>(f) Peta Kilat</p>	<p>(A) 20.00 (B) 160.00</p> <p>(A) 20.00 (B) 160.00</p> <p>30.00</p>	<p>Satu pelepasan untuk satu stesen Pelepasan untuk satu bulan untuk satu stesen</p> <p>Satu pelepasan untuk satu stesen Pelepasan untuk satu bulan untuk satu stesen</p> <p>Satu peta aktiviti untuk dua puluh empat jam atau sebahagian daripadanya</p>
<p>5. Data Seismologi</p> <p>(a) Rekod peristiwa seismik yang dirasai di Malaysia</p> <p>(b) Data fasa gempa bumi</p> <p>(c) Peta intensiti seismik maksimum</p> <p>(i) Peta Semenanjung Malaysia</p> <p>(ii) Peta Sabah dan Sarawak</p>	<p>30.00</p> <p>30.00</p> <p>30.00</p> <p>30.00</p>	<p>Satu rekod</p> <p>Satu rekod</p> <p>Satu peta</p> <p>Satu peta</p>
<p>6. Imej dan Data Radar</p> <p>(a) Imej</p> <p>(b) Data</p>	<p>10.00</p> <p>100.00</p>	<p>Satu imej</p> <p>Setiap satu ratus megabait</p>
<p>7. Imej dan Data Satelit</p> <p>(a) Imej</p> <p>(b) Data</p> <p>(c) Data Nilai Tambah</p> <p>(i) Lokasi titik panas</p> <p>(ii) Jumlah titik panas harian</p>	<p>10.00</p> <p>100.00</p> <p>10.00</p> <p>30.00</p>	<p>Satu imej</p> <p>Setiap satu ratus megabait</p> <p>Satu jejak/laluan satelit</p> <p>Satu bulan</p>

8. Data Meteorologi Alam Sekitar		
(a) Data Aerosol		
(i) Kepekatan sejam	30.00	Satu stesen untuk satu hari
(ii) Kepekatan harian	50.00	Satu stesen untuk satu tahun
(iii) Kepekatan bulanan	50.00	Satu stesen
(iv) Kepekatan tahunan	50.00	Satu stesen
(v) Kandungan kimia mingguan	50.00	Satu stesen untuk satu tahun
(b) Data kandungan Kimia hujan		
(i) Nilai mingguan	50.00	Satu stesen untuk satu tahun
(ii) Nilai bulanan	50.00	Satu stesen untuk satu tahun
(iii) Nilai tahunan	50.00	Satu stesen
(c) Data kandungan Kimia Pemendapan Kering		
(i) Nilai bulanan	50.00	Satu stesen untuk satu tahun
(ii) Nilai tahunan	50.00	Satu stesen
(d) Data Ketumpatan Gas		
(i) Nilai harian	100.00	Satu stesen untuk satu tahun
(ii) Nilai mingguan	50.00	Satu stesen untuk satu tahun
(e) Data Profil Ozon	100.00	Satu pelepasan
(f) Ringkasan Profil Data Tahunan Ozon	100.00	Satu ringkasan
(g) Data Turus Total Ozon – Nilai harian	100.00	Satu tahun
(h) Data Ultra-Violet B (UV-B)	10.00	Satu bulan

9. Penerbitan		
(a) Ringkasan Tahunan Pemerhatian Meteorologi	100.00	Satu keluaran
(b) Ringkasan Bulanan Pemerhatian Meteorologi	50.00	Satu keluaran
(c) Ringkasan Bulanan Pencerapan Meteorologi Marin	100.00	Satu keluaran
(d) Ringkasan Iklim Tahunan	100.00	Satu keluaran
(e) Laporan Seismologi Tahunan	100.00	Satu keluaran
(f) Ringkasan Kualiti Udara Tahunan	100.00	Satu keluaran
(g) Buletin Cuaca Bulanan	50.00	Satu keluaran
(h) Analisis dan Tinjauan Meteorologi Pertanian Bulanan	50.00	Satu keluaran

Dibuat pada2009
[JMM.COM 32/617/07; PN(PU²) 86/XII]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI SIDEK BIN HASSAN
Setiausaha Jemaah Menteri

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut seksyen 4 Akta Fi 1951]